



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KENAIKAN PANGKAT

Selaras dengan misi membangun bakat holistik dan mensejahtera kehidupan menerusi ilmu dan inovasi teknologi, Universiti Teknologi Malaysia dengan ini mempelawa calon-calon yang berkelayakan, berani dan komited dalam Menginovasi Penyelesaian secara Inovatif untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-

1. **JURUTERA (GRED J12)**
2. **PEMBANTU KEMAHIRAN (GRED H2)**
3. **PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) (GRED N2)**

SYARAT-SYARAT KENAIKAN PANGKAT

- a) disahkan dalam perkhidmatan;
- b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu memperolehi markah 85% dan ke atas bagi tiga (3) tahun terkini serta markah pada tahun ketiga hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 85%;
- c) melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan;
- d) diperaku oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan;
- e) bebas daripada hukuman tatatertib;
- f) telah mengisytiharkan harta dan masih dalam tempoh sah;
- g) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- h) bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan; dan
- i) syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga.

SYARAT KHUSUS

- a) Terbuka kepada penyandang jawatan Jurutera Gred J10 dan J12 *One Off*.
- b) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- c) Permohonan yang **tidak menurut peraturan, tidak lengkap dan diterima selepas tarikh tutup** tidak akan dipertimbangkan.

CARA MEMOHON

- (a) Layari <https://registrar.utm.my/bsm/career-development-utm/>
- (b) Muat turun borang - borang seperti berikut:
 - i. Borang permohonan kenaikan pangkat dan senarai semak
 - ii. Borang Tapisan Keutuhan SPRM
- (c) Lengkapkan dan serahkan **Borang Tapisan Keutuhan SPRM** kepada PP PSM PTJ untuk mendapatkan tarikh kelulusan SPRM.

(d) Pemohon perlulah mengemukakan **Maklumat CV terkini** yang boleh dimuat turun daripada MyUTM Portal yang tertera pada modul maklumat peribadi (Profil Staf). CV tersebut perlulah dikemaskini (jika ada).

(e) Melengkapkan permohonan kenaikan pangkat pada Google Form yang disediakan di pautan:

SKIM J

<https://forms.gle/Mu3kovZFqSgsAToL8>

SKIM H

<https://forms.gle/4JSEi6MJpcgYibu8A>

SKIM N

<https://forms.gle/HciwgxWc4P98M37W6>

(f) Salinan borang permohonan kenaikan pangkat hendaklah dimajukan melalui Ketua Jabatan masing-masing dan dihantar kepada urus setia seperti alamat di bawah:

ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP:

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
(SEKSYEN PERJAWATAN DAN KENAIKAN PANGKAT)
JABATAN PENDAFTAR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
81310 UTM JOHOR BAHRU
JOHOR**

TARIKH IKLAN : 5 Disember 2025 (Jumaat)

TARIKH TUTUP : 11 Disember 2025 (Khamis)

(g) Sekiranya ada sebarang pertanyaan, sila hubungi urus setia dalam waktu pejabat di talian:

011-13247449 (Pn. Norhayati)

Emel : perjawatanspkp@utm.my

1. JURUTERA (GRED J12)

Skim Perkhidmatan : Jurutera
Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
Jadual Gaji : J12

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM5,530.00	RM13,540.00	RM270.00

Imbuhan Tetap Perumahan : RM700.00
Imbuhan Tetap Keraian : RM550.00
Bayaran Imbuhan Sara Hidup : RM300.00

KENAIKAN PANGKAT KE GRED J12:

Jurutera Gred J10 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurutera Gred J12 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
- (c) keutamaan diberikan kepada pegawai yang memiliki kelayakan profesional yang diiktiraf; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

LOKASI: UTM JOHOR BAHRU/ UTM KUALA LUMPUR

TAMBAHAN:

1. Perkhidmatan di jawatan semasa telah mencapai sekurang - kurangnya lima (5) tahun pada tarikh tutup iklan bagi penyandang Gred J10. Bagi penyandang Gred J12 One-Off tiada tempoh minimum pada jawatan semasa.

2. PEMBANTU KEMAHIRAN (GRED H2)

Skim Perkhidmatan : Pembantu Kemahiran
Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Jadual Gaji : H2

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM2,220.00	RM5,770.00	RM115.00

Imbuhan Tetap Khidmat Awam : RM115.00
Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00
Bayaran Imbuhan Sara Hidup : RM350.00

KENAIKAN PANGKAT KE GRED H2:

Pembantu Kemahiran Gred H1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H2 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

LOKASI: UTM JOHOR BAHRU

SYARAT TAMBAHAN:

1. Perkhidmatan di jawatan semasa telah mencapai **sekurang - kurangnya lima (5) tahun** pada tarikh tutup iklan.

3. PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) (GRED N2)

Skim Perkhidmatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)
Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Jadual Gaji : N2

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM2,220.00	RM5,770.00	RM115.00

Imbuhan Tetap Khidmat Awam : RM115.00
Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00
Bayaran Imbuhan Sara Hidup : RM350.00

KENAIKAN PANGKAT KE GRED N2:

Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred N1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred N2 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

LOKASI: UTM JOHOR BAHRU

SYARAT TAMBAHAN:

1. Perkhidmatan di jawatan semasa telah mencapai **sekurang - kurangnya lima (5) tahun** pada tarikh tutup iklan.